



---

KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( )

Jumaat, 9 Julai 2021  
UNTUK SIARAN SEGERA

---

**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

---

**KUTIPAN TABUNG RAYUAN PALESTIN PERINGKAT**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melancarkan Inisiatif Tabung Rayuan Palestin pada 28 Mei 2021 di Putrajaya baru-baru ini dan sejumlah RM700,000 telah berjaya dikumpulkan melalui kutipan siri pertama ini. Sebanyak RM185,000 telah disumbangkan oleh Pertubuhan Penggerak Komuniti Negara (PKN) dan RM515,000 dari seluruh warga KPKT termasuk PR1MA, SWCorp dan SPNB.

Tabung Rayuan Palestin ini dilancarkan adalah sebagai tanda solidariti keprihatinan rakyat Malaysia khususnya warga KPKT terhadap penderitaan, kesengsaraan dan kekejaman yang dihadapi oleh rakyat Palestin pada ketika ini. Hasil kutipan sumbangan yang diterima melalui inisiatif ini membuktikan usaha misi kemanusiaan ini telah disambut baik oleh Ketua Setiausaha KPKT, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan, PR1MA, SWCorp dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta agensi lain di bawah KPKT.

Keseluruhan jumlah sumbangan ini akan diserahkan kepada Tabung Rayuan Palestin di bawah kelolaan Pertubuhan Penggerak Dasar Komuniti Negara Malaysia (PKN) dan *Council of Malaysian Women Political Leaders (COMWEL)* untuk disampaikan kepada rakyat Palestin.

Siri keganasan terbaru terhadap rakyat Palestin ini amat mengecewakan angkara serangan tidak berperikemanusiaan tentera Zionis. Sehingga hari ini, 256 orang telah disahkan terkorban sejak Israel mengebom jalur Gaza bermula 10 Mei yang lalu seperti dilaporkan media antarabangsa.

Palestin kini merayu seluruh dunia untuk bersama-sama membantu meringankan kepayahan serta penderitaan mereka. Rumah-rumah mereka yang musnah, masjid dan sekolah mereka yang hancur serta perusahaan dan industri mereka yang lumpuh perlu dibangunkan semula. Marilah kita bersolidariti terhadap musibah yang melanda umat Islam di bumi Gaza dan seluruh dunia.

Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas sumbangan yang disalurkan oleh semua pihak dan saya menyeru agar kita semua terus mendukung usaha dilaksanakan pelbagai pihak membantu bumi Palestin sebagai tanda kepedulian, keprihatinan dan solidariti untuk Palestin.

Sekian, terima kasih

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA KAMARUDDIN**  
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
9 Julai 2021

**-TAMAT-**